Nama: _____ Kelas:_____ Tarikh: _____

7.3 Sistem Ahli

Pilih satu jawapan yang paling sesuai.

1. Bagaimanakah British cuba merealisasikan hasrat berikut di Tanah Melayu?

Dasar Dekolonisasi

A. Pelaksanaan Sistem Ahli
B. Kemasukan golongan imigran
C. Pengenalan sistem demokrasi
D. Kelonggaran syarat kerakyatan

2. Dasar dekolonisasi telah diperkenalkan oleh PBB selepas Perang Dunia kedua. Apakah kesan dasar tersebut kepada tanha jajahan?

A. Berkerajaan sendiri
B. Pembukaan bandar
C. Kemajuan ekonomi
D. Penjajahan baharu

3. Apakah cadangan Dato' Onn Jaafar bagi mengatasi kekurangan pegawai tempatan dalam perkhidmatan kerajaan?

A. Pelaksanaan Sistem Ahli
B. Pengenalan sistem demokrasi
C. Kemasukan golongan imigran
D. Kelonggaran syarat kerakyatan

4. Mengapakah Sistem Ahli diperkenalkan oleh British di Tanah Melayu pada tahun 1951?

A. Melaksanakan kempen pilihan raya umum
B. Merangka perlembagaan baru yang merdeka
C. Membincangkan sistem pendidikan orang Melayu
D. Melatih penduduk tempatan menerajui pentadbiran

5. Sistem ahli mengekalkan tiga portfolio di bawah pentadbiran British. Antara berikut, yang manakah portfolio tersebut?

I. Hal Ehwal Ekonomi
II. Tenaga dan sumber Asli
III. Pembangunan Luar Bandar
IV. Perumahan dan Kerja Raya

A. I dan II
B. I dan IV
C. II dan III
D. III dan IV

6. Apakah tanggungjawab anggota Majlis Perundangan Persekutuan dalam Sistem Ahli?

A. Memimpin sistem cabinet
B. Mengetuai pelbagai bidang
C. Mentadbir beberapa jabatan
D. Melindungi penduduk tempatan

7. Sistem Ahli dilaksanakan pada bulan April 1951 hingga Jun 1955. Apakah gelaran lain bagi sistem tersebut?

A. Sistem Jemaah Menteri
B. Sistem kabinet bayangan
C. Sistem pentadbiran pusat
D. Sistem Penasihat Persekutuan

LIVEWORKSHEETS

8. Siapakah yang melantik "Ahli" dalam Sistem Ahli?

A. Ketua Menteri
B. Majlis Raja-Raja
C. Pesuruhjaya Tinggi British
D. Majlis Perundangan Persekutuan

9. Apakah ciri-ciri sistem ahli?

A. Ahli dilantik oleh Raja-raja Melayu
B. Terdiri daripada pengawai Barat
C. Satu sistem kabinet bayangan
D. Ahli bertaraf "Ketua Menteri"

10. Apakah kebaikan penubuhan Sistem Ahli terhadap negara kita?

I. Menjadi asas mencapai kemerdekaan
II. Menyatukan semua negeri Melayu
III. Pemulihan kedaulatan Raja-raja Melayu
IV. Pendedahan penduduk dalam pentadbiran

A. I dan II
B. I dan IV
C. II dan III
D. III dan IV

11. Bagaimanakah Sistem Ahli dapat memperkukuh perpaduan rakyat?

A. Ahli dipantau oleh suruhanjaya bebas
B. Undang-undang antiperkauman digubal
C. Ahli dilantik dalam kalangan pelbagai kaum
D. Mewajibkan penggunaan bahasa kebangsaan

12. Antara berikut **bukan** kebaikan Sistem Ahli kepada penduduk Persekutuan Tanah Melayu kecuali...

A. Menjimatkan kewangan kerajaan
B. Mendapatkan pengiktirafan kuasa besar
C. Mengekalkan pentadbiran tradisional
D. Mendapat peluang mentadbir kerajaan.

LIVEWORKSHEETS